

19/10/1997

Jangan salah tafsir kesihatan PM

PEKAN: Pelbagai pihak, terutama media asing diingatkan supaya tidak membuat tafsiran negatif berhubung kesihatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan pembatalan lawatan Perdana Menteri ke negeri ini, semalam.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata Dr Mahathir cuma mendapat selesema dan dinasihatkan supaya berehat.

Perdana Menteri sepatutnya melancarkan projek kenderaan perdagangan nasional pertama negara, iaitu trak dan bas, keluaran anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom, MTB di sini.

Bagaimanapun, majlis pelancaran itu ditangguhkan dan acara berkenaan ditukar menjadi Perhimpunan Rakyat Pekan.

Menurut Pejabat Perdana Menteri di Kuala Lumpur, Dr Mahathir dinasihatkan supaya berehat beberapa hari.

Perdana Menteri juga tidak akan menghadiri semua acara rasmi yang dijadualkan hari ini dan Isnin.

Bagaimanapun, kelmarin, Dr Mahathir tetap menghadiri pembentangan Belanjawan 1998 di Dewan Rakyat walaupun beliau kelihatan tidak berapa sihat.

Dalam ucapan pada perhimpunan itu, Mohd Khalil berkata, beliau perlu mengingatkan perkara itu kerana media asing sering melempar pelbagai tuduhan negatif termasuk mendakwa kononnya sokongan yang diterima Dr Mahathir sebenarnya tidak terjamin.

Menurut Mohd Khalid, media asing wajar melihat kehadiran lebih 18,000 rakyat negeri ini dalam majlis itu sebagai bukti sokongan padu rakyat terhadap kepemimpinan Perdana Menteri.

"Sebenarnya, kita boleh membatalkan majlis ini apabila dimaklumkan Perdana Menteri tidak dapat menghadirinya kerana uzur, tetapi rakyat Pahang meminta majlis itu diteruskan sebagai tanda sokongan padu kepada Dr Mahathir," katanya.

Dalam majlis berasingan di pangkalan Tentera Udara Malaysia di Kuantan pula, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata semua Badan Perhubungan Umno negeri, parti komponen Barisan Nasional, Menteri Besar yang mewakili negeri dan rakyat sudah menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri.

(END)